



Jabatan Kemajuan Perumahan
Kementerian Pembangunan

NOTIS
TAWARAN

Sebutharga adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam **Kelas III** dan **Kategori Kerja KA01, B01, E01 KPB02, KPB04 & S03** bagi:

Tajuk: **RECTIFICATION WORKS TO TRANSIT TERRACE UNITS AT JALAN 77 (FASA 1), RPN KG LAMBAK KANAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Projek: **JKP / 12 / 2019**

Dokumen-dokumen sebutharga dan Lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di **Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Perancangan Projek, Tingkat 4, Bangunan Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam** sehingga **21^{hb} September, 2019, pada Hari Sabtu, jam 3.00 petang.**

Tawaran Buka Tawaran : **11^{hb} September, 2019 [Hari Rabu]**

Tarikh Tutup Tawaran : **24^{hb} September, 2019 [Selasa]**
tidak lewat jam 2.00 petang

Tempat Tutup : **Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Bangunan Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.**

Yuran Tawaran : **B\$50.00 [Tidak dikembalikan]**

Yuran E-Dokumen : **B\$5.00 [Tidak dikembalikan]**
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]

Waktu Pembayaran Yuran Tawaran dan Yuran Dokumen/ Lukisan Tawaran:

Isnin – Khamis & Sabtu: 8.00 pagi – 3.00 petang

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
2. Tawaran ditutup pada hari **Selasa, 24^{hb} September 2019, Tidak lewat jam 2.00 petang**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan, tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan didalam sampul surat yang tertutup rapi [sealed] dengan menyatakan Tajuk dan No. Projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.
4. Dokumen-dokumen tawaran serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi daripada **Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Perancangan Projek, tingkat 4, Negara Brunei Darussalam. Tarikh akhir mengambil dokumen dan lukisan tawaran adalah tidak lewat daripada 21^{hb} September 2019, Hari Sabtu, jam 3.00 petang**.
5. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki untuk membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan dan menepati syarat-syarat untuk mengikut tawaran.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
8. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh **180 hari** dari tarikh akhir menghantar tawaran.
9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan: LTN/4(39/1997).
10. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh Syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari Syarikat dan Kad Pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.